

Headline	<b>Industri bioteknologi disasar cecah RM885j</b>
Date	<b>27 Jul 2011</b>
MediaTitle	<b>Berita Harian</b>
Section	<b>Ekonomi</b>
Journalist	<b>N/A</b>
Frequency	<b>Daily</b>
Circ / Read	<b>192,982 / 1,521,000</b>

Language	<b>Malay</b>
Page No	<b>36</b>
Article Size	<b>357 cm<sup>2</sup></b>
Color	<b>Black/white</b>
ADValue	<b>10,111</b>
PRValue	<b>30,333</b>



# Industri bioteknologi disasar cecah RM885j

## Penubuhan BioNexus tingkat keupayaan R&D

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bharian.com.my

**N**ILAI pasaran bagi produk dan perkhidmatan industri bioteknologi negara disasarkan meningkat kepada RM885 juta menjelang akhir tahun depan dengan menyumbang sehingga lima peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasa (KDNK) pada 2020.

Ia disokong kekayaan biodiversiti negara yang digunakan secara cekap oleh agensi kerajaan dan swasta, sekali gus mendorong kepada peningkatan pelaburan serta teknologi bagi membangunkan industri itu.

Tahun lalu, nilai pasaran

industri itu RM663 juta, menyumbang 2.2 peratus kepada KDNK.

Bagi mengukuhkan lagi pencapaian sasaran itu, Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) dan

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) melancarkan pusat kecemerlangan rakan kongsi BioNexus (BNP) bagi membangunkan industri itu secara mapan sejajar dengan pelaksanaan Dasar Bioteknologi Kebangsaan.

BNP yang menempatkan enam makmal di FRIM, Kepong, Kuala Lumpur itu, menjadi pusat sehenti kepada industri membangunkan produk berdasarkan herba.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Maximus Ongkili berkata, inisiatif daripada BiotechCorp bertujuan menyokong keperluan industri bioteknologi Malaysia.

"Ini dapat dicapai menerusi kemudahan dan keupayaan penyelidikan berteknologi tinggi disediakan FRIM yang ditawarkan kepada syarikat BioNexus untuk menghasilkan produk berkualiti," katanya selepas merasmikan se-

si jaringan rangkaian kerja BNP dalam bidang bioteknologi pertanian dan industri, di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod dan Ketua Ek-

sekutif BiotechCorp, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal.

Pada majlis sama, enam perjanjian persefahaman (MoU) dimeterai membabitkan syarikat bioteknologi tempatan iaitu I&R Herbal Industries Sdn Bhd, Celltis Sdn Bhd, IOI Palm Biotech Sdn Bhd, Borneo Biogaharu Sdn Bhd, Furley Bioextracts Sdn Bhd dan Herbagus Sdn Bhd.

Mengulas mengenainya, Dr Mohd Nazlee berkata langkah itu sebahagian usaha menyokong pengkomersialan industri berdasarkan bahan asli menerusi aplikasi dua platform teknologi iaitu Supercritical Fluid Extraction (SFE) dan Marker Assisted Selection (MAS).

Headline	<b>Industri bioteknologi disasar cecah RM885j</b>		
Date	<b>27 Jul 2011</b>	Language	<b>Malay</b>
MediaTitle	<b>Berita Harian</b>	Page No	<b>36</b>
Section	<b>Ekonomi</b>	Article Size	<b>357 cm<sup>2</sup></b>
Journalist	<b>N/A</b>	Color	<b>Black/white</b>
Frequency	<b>Daily</b>	ADValue	<b>10,111</b>
Circ / Read	<b>192,982 / 1,521,000</b>	PRValue	<b>30,333</b>

● ABDULLAH YUSOF | BERITA HARIAN



**MAXIMUS** melihat tumbuhan herba sambil diperhatikan Abd Latif (tengah) dan Mohd Nazlee ketika melawat makmal BNP di FRIM, Kepong, semalam.